

NAMA MUSA DIGUNA

DALAM KEMPEN UMNO

JEREMBAN, Jumaat — Nama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang juga Ketua Perhubungan UMNO Johor digunakan oleh orang-orang tertentu di Pontian untuk mencari pengaruh dalam perebutan jawatan Ketua UMNO bahagian itu.

Darusan ini dibuat oleh Ketua Bahagian itu, Datuk Abdullah Sultan ketika menjelaskan mengapa beliau mengarahkan cawangan-cawangan itu jangan mengadakan ceramah politik tanpa kebenaran Ketua atau Setiausaha Bahagian.

Datuk Abdullah berkata, orang-orang tertentu ini telah menjemput beberapa orang penceramah dengan mendakwa ini sebagai "orang keal atau peminat politik" Timbalan Perdana Menteri di beberapa majlis

ceramah cawangan di bahagian Pontian.

Menurut beliau, perbuatan ini tidak sihat kerana nama Timbalan Perdana Menteri tidak harus dikait dalam usaha mencari pengaruh.

Tegas beliau, Datuk Musa telah mengarahkan ahli-ahli UMNO Johor jangan menimbulkan suasana tegang menjelang pemilihan Ketua dan Ahli Jawatankuasa Bahagian.

Datuk Abdullah berkata, sebagai langkah memberbenikan perbuatan yang tidak sihat ini, beliau mengarahkan semua cawangan jangan mengadakan ceramah politik tanpa pengetahuan bahagian.

Arahan ini, katanya bukan dibuat sekehendak hatinya tetapi berdasarkan peraturan perlembagaan setiap kegiatan cawangan

walaupun apa bentuknya mesti dalam pengetahuan bahagian.

Menurut beliau lagi bahagian berhak mengetahui siapakah penceramah yang dijemput oleh cawangan-cawangan.

"Kita tidak mahu unsur-unsur tidak sihat mempengaruhi ahli-ahli UMNO mengakibatkan perpecahan," katanya.

Perebutan jawatan Ketua Bahagian Pontian dijangka hebat berbanding dengan bahagian lain di Johor.

Datuk Abdullah berazam mempertahankan kedudukannya sementara Timbalannya, Haji Ikhwan Nasir berazam untuk menentanginya.

Manakala Naib Ketua Bahagian itu, Datuk Jalok Daing Malibok pula akan bertanding jawatan Timbalan Ketua.